

22/09/1997

Pelbagai reaksi terhadap ucapan

HONG KONG, Ahad -Ucap tama Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada seminar menjelang Mesyuarat Tahunan Tabung Mata Wang Antarabangsa dan Bank Dunia (IMF-Bank Dunia), semalam menerima pelbagai reaksi daripada perwakilan yang hadir.

Menurut pakar ekonomi, tokoh perbankan dan pemerhati, saranan Dr Mahathir mengharamkan sistem urus niaga tukaran wang asing sedia ada, walaupun dilihat sebagai satu usaha terbaru Asean mendedahkan kelemahan IMF dan Bank Dunia, ia tetap `merangsang minda' masyarakat kewangan antarabangsa.

Reaksi pertama diterima daripada Setiausaha Kewangan Amerika, Robert Rubin yang tetap mempertahankan bahawa sistem urus niaga mata wang sedia ada mempunyai hubung kait yang penting dengan ekonomi dunia.

Walaupun enggan mengulas secara terbuka mengenai ucapan Perdana Menteri itu, Rubin yang pada satu ketika adalah peniaga mata wang di Wall Street berkata: "Saya tidak nampak ada sebarang kesalahan dalam kegiatan spekulasi mata wang.

"Spekulasi ialah sebahagian daripada keseluruhan kegiatan dalam mana-mana pasaran sekunder. Ia meningkatkan kecairan mata wang, seterusnya mengurangkan kos urus niaga," katanya.

(END)